

KPDNHEP periksa 321 premis niaga di Kluang



Salah seorang kakitangan KPDNHEP Kluang ketika membuat pemeriksaan SHMMP Tahun Baru Cina baru-baru ini.

KLUANG - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Cawangan Kluang menjalankan sebanyak 321 pemeriksaan sepanjang Ops Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) Tahun Baru Cina 2020.

Ketua Cawangannya, Mohd Zulazre Mokeri berkata, pemeriksaan berkenaan membabit-

kan premis perniagaan makanan, pasar awam dan pasar tani sekitar daerah tersebut yang mana turut memberi fokus kepada harga penjualan barangan terkawal.

Katanya, seramai 12 anggota telah ditugaskan dalam operasi yang dilakukan selama 14 hari bermula pada 20 Januari lalu.

“Hasil pemeriksaan ini kita

telah mengesan 10 kes dengan kesalahan tidak meletakkan tanda harga berwarna merah jambu dan tidak meletakkan tanda harga pada barangan harga terkawal sempena SHMMP Tahun Baru Cina kali ini.

“Mereka telah dikenakan tindakan di bawah Akta Kawalan Harga Dan Anti Pencatutan 2011,” katanya dalam satu kenyataan semalam.